



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

**LJT 6 Jld. 91 (50 )**

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

**07** Februari 2022

**05** Rejab 1443 H

**Semua Juruukur Tanah Berlesen**

**YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,**

---

**SURAT PEKELILING  
LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

---

**SIJIL PERAKUAN DEPOSIT FI UKUR DIGITAL (e-Sijil Akuan)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) merupakan Lembaga Profesional yang antara fungsinya adalah sebagai pemegang amanah kepada bayaran upah ukur yang didepositkan di LJT. Suatu perakuan deposit fi ukur perlu dikeluarkan LJT sebaik sahaja menerima pendepositan fi ukur sepertimana jelas dinyatakan di bawah subperaturan 26(4), Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 (PPJTB 2011) iaitu '*Lembaga, apabila menerima fi ukur di bawah subperaturan (2), hendaklah sebagai mematuhi seksyen 409A Kanun Tanah Negara (Akta 828) mengemukakan kepada Pentadbir Tanah suatu perakuan sebagaimana yang ditetapkan*'.

3. LJT sedia maklum bahawa pengeluaran Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur (SPDFU) yang cepat dan efisien amat diperlukan dalam memastikan kelancaran proses kerja-

kerja pengukuran hakmilik terutamanya yang melibatkan urusan dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPN). Selama ini, SPDFU yang dicetak dan dikeluarkan LJT adalah ditandatangani secara manual oleh Setiausaha LJT yang mana seterusnya penghantaran akan dibuat menggunakan perkhidmatan 'courier' kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) berkenaan.

4. Namun begitu, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan, kebanyakan operasi pejabat yang melibatkan pertemuan fizikal adalah dilarang bagi mengelakkan risiko penyebaran jangkitan COVID-19 di negara kita. Dalam hubungan ini, SPDFU perlu dikeluarkan LJT walaupun semasa tempoh PKP kerana terdapat beberapa sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) dibenarkan beroperasi termasuklah firma JTB.

5. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini, LJT dalam Mesyuarat Lembaga ke 519 pada 2 September 2021 telah meluluskan cadangan pengeluaran Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur Digital (e-Sijil Akuan) oleh LJT. e-Sijil Akuan ini akan ditandatangani secara digital oleh Setiausaha LJT atau pegawai LJT yang dilantik untuk menandatangani sijil tersebut bagi pihak beliau. Penggunaan tandatangan digital ini adalah selari dengan peruntukan yang terdapat di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998.

6. JTB boleh memuat turun dan mencetak e-Sijil Akuan ini melalui sistem e-LJT yang mana notifikasi akan dihantar kepada JTB melalui emel dan SMS bagi memaklumkan bahawa e-Sijil Akuan telah sedia untuk dimuat turun dan dicetak. e-Sijil Akuan ini diperkukuhkan dengan ciri-ciri keselamatan iaitu mempunyai kod bar (barcode) dan kod QR (QRCode) bagi menjaga ketulenannya dan seterusnya mengelakkan sebarang pemalsuan daripada berlaku.

7. Selain itu, dalam memastikan ketulenan e-Sijil Akuan yang diterima, pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) boleh mengimbas kod bar dan kod QR yang terdapat pada sijil tersebut dengan menggunakan aplikasi pengimbas seperti QR and Barcode Scanner pada telefon bimbit masing-masing dan maklumat berkaitan akan dipaparkan.

8. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan pemakaian e-Sijil Akuan ini, maka bersama-sama ini disertakan manual pengguna seperti di **Lampiran A** untuk makluman dan rujukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan.


9. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2022.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK Sri ISMAIL BIN HARUN)**

**Setiausaha**

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

**Salinan Kepada :**

**Agihan Luaran :**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II  
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)  
Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

**Agihan Pihak Berkepentingan :**

Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Semua Pejabat Tanah dan Galian Negeri  
Semua Pejabat Daerah dan Tanah  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia  
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)  
Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Tama Negara (PERHILITAN)  
Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)  
Semua Pengarah Perhutanan Negeri  
Tenaga Nasional Berhad (TNB)  
Lembaga Lebuh-Raya Malaysia (LLM)



# MANUAL PENGGUNA

## *e-Sijil Akuan*

**SISTEM eLJT**

**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**


### 1. Pendahuluan

Manual ini disediakan sebagai rujukan kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang telah menerima notifikasi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dan emel mengenai Sijil Akuan yang sedia untuk dimuat turun dan dicetak. Proses memuat turun dan mencetak ini boleh dilakukan sendiri oleh JTB dengan mengikuti langkah-langkah yang telah diterangkan secara terperinci dalam manual ini.

### 2. Log Masuk ke Sistem e-LJT

JTB hendaklah melayari <https://www.eljt.org.my/eljt/login> untuk log masuk ke dalam Sistem eLJT.

JTB mengunci masuk ID Pengguna dan Kata Laluan yang diberikan.



#### ARAHAN

1. Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan
2. Klik butang **Login** untuk log masuk ke Sistem eLJT




Sistem eLJT tidak membenarkan pengguna menggunakan butang enter untuk berpindah dari satu medan ke medan yang lain.

### 3. Mencetak Sijil Akuan

Berikut adalah langkah-langkah untuk mencari dan mencetak Sijil Akuan.

#### Langkah 1



The screenshot shows the LJT web portal interface. At the top, there is a navigation menu with 'Main', 'Registration', 'Survey Job', 'Home', and 'HELP'. The 'Survey Job' menu is expanded, showing options: 'My Survey Job', 'Land Survey Application', 'Strata Survey Application', 'EFT Payment Enquiry', 'Print Receipt by LS', 'Reports', and 'Print Sijil Akuan By LS'. A red '1' is placed above the 'Survey Job' menu, and a red '2' is placed next to the 'Print Sijil Akuan By LS' option. Below the menu, there is an 'Important Notice!' section with text: 'Form us if you find any information that is incorrect or incomplete. Investigate the matter and revert to you the outcome accordingly. Any issues pertaining to the system and/or the information in the system other by calling our Helpdesk (03-41085191) or filling up the Helpdesk form and send the form to us via fax/mail.' Below the notice, there is a red banner with text: 'SENARAI ARTICLED P... ENDAFTARAN. SILA KEMUKAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN/LANJUTAN(BORANG LJTG) DENGAN SEGERA ATAU HUBUNGI LEMBAGA JURUKUR TANAH UNTUK KETERANGAN LANJUT'. Below the banner, there is a 'SEARCH RESULT' section with a table header: 'Assistant Name', 'New IC No./Passport No.', 'Type', 'Reg Date', and 'Expiry Date'. The table content is empty, with the text 'No data available in table' and 'Showing 0 to 0 of 0 entries'. Below the search result, there is a 'TASK' section with the heading 'ARAHAN' and two numbered steps: '1. Pilih Survey Job' and '2. Pilih Sub Menu – Print Sijil Akuan By LS'.

#### Langkah 2

Seterusnya JTB boleh membuat carian Sijil Akuan dengan memasukkan salah satu daripada kriteria yang disediakan. Untuk makluman, hanya Sijil Akuan yang disediakan selepas pelaksanaan Sijil Akuan Digital sahaja boleh dimuat turun dan dicetak oleh JTB manakala bagi sijil akuan sebelum tarikh tersebut ianya perlulah dibuat permohonan kepada LJT untuk tujuan cetakan.

**SIJIL AKUAN**

**SEARCH PARAMETERS**

Survey Job No. :  
 Sijil No. From :  
 Sijil No. To :  
 Sijil Date From :  
 Sijil Date To :

**Start Search** **Clear**

TIP : Enter Search Criteria and click Start Search

---

**SEARCH RESULTS : LIST OF SIJIL AKUAN**

Show 10 entries

Sijil Id	Sijil No.	Survey Job No.	Sijil Date	Amount (RM)	LLS No.	LLS Name	Client Name	Status	Action
382332	C339237	027200724	12/01/2022	3,244.00	0272	Test-S	MOHD ZAINI BIN AHMAD DAN RAKAN-RAKAN	PRINTED	<b>Print</b>

Showing 1 to 1 of 1 entries (filtered from 0 total entries)

First Previous 1 Next Last

**ARAHAN**

1. Masukkan jenis carian di bahagian **Search Parameters**.
2. Klik butang **Start Search**
3. Hasil carian akan dipaparkan di **Search Result : List Of Sijil Akuan**
4. Klik butang **Print**. Sijil Akuan akan dipaparkan dalam format PDF. JTB boleh memuat turun atau terus mencetak sijil tersebut.

**Langkah 3**

Seterusnya JTB boleh membuat semakan terperinci Sijil Akuan dengan klik pautan pada **Sijil Id**.

**SIJIL AKUAN**

**SEARCH PARAMETERS**

Survey Job No. :  
 Sijil No. From :  
 Sijil No. To :  
 Sijil Date From :  
 Sijil Date To :

**Start Search** **Clear**

TIP : Enter Search Criteria and click Start Search

---

**SEARCH RESULTS : LIST OF SIJIL AKUAN**

Show 10 entries

Sijil Id	Sijil No.	Survey Job No.	Sijil Date	Amount (RM)	LLS No.	LLS Name	Client Name	Status	Action
382332	C339237	02724	12/01/2022	3,244.00	0272	Test-S	MOHD ZAINI BIN AHMAD DAN RAKAN-RAKAN	PRINTED	<b>Print</b>

Showing 1 to 1 of 1 entries (filtered from 0 total entries)

First Previous 1 Next Last

**ARAHAN**

1. Klik **link** pada **Sijil Id** untuk melihat butiran terperinci mengenai Sijil Akuan.

**Langkah 4 :**

Sistem akan paparkan maklumat Sijil Akuan secara terperinci.

**SIJIL AKUAN INFORMATION : VIEW**

**SIJIL AKUAN DETAILS** Print 1 Back 2

Sijil Id : 382244  
 Sijil No. : C339236  
 Old Sijil No. :  
 Sijil Date : 12/01/2022  
 Status : APPROVED  
 Sijil Amount (RM) : 43,096.20  
 Survey Job No. : 021400629  
 LLS Reference : MC/P/041/2015  
 Land Office Reference : Tas1 -  
 LLS No. : 0214  
 LLS Name : TenT-ALIAS BIN HAJI IBRAHIM  
 LLS Gst No. :  
 Practice Name : JURUKUR MAHABOS & CO. SDN BHD  
 Address : 43, JALAN SEKILAU 1,  
 Bukit Sekilau  
 District : Kuantan  
 Postcode : 25200  
 State : PAHANG  
 Remarks :  
 Client Name : JMBATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA  
 Client GST No. :  
 Address : D/A: JURUKUR MAHABOS & CO. SDN. BHD.  
 NO. 43, JALAN SEKILAU 1,  
 BUKIT SEKILAU  
 District : Kuantan  
 Postcode : 25200  
 State : PAHANG

**LOTS DETAILS**

Total of Lots : 0  
 State : PAHANG  
 District : PEKAN

Show 10 entries

Lot No.	Bandar/Pekan/Mukim	Section
RIZAB ORANG ASLI KG DURIAN SEBATANG	PEKAN	

Showing 1 to 1 of 1 entries First Previous 1 Next Last

**ARAHAN**

1. Klik pada butang **Print** untuk mencetak Sijil Akuan
2. Klik pada butang **Back** untuk kembali ke halaman sebelum ini.



Contoh Cetakan Sijil Akuan – Saiz Kertas A4



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
( LAND SURVEYORS BOARD )

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN : /2015

RUJUKAN KAMI : 0629

(SILA NYATAKAN TUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon : 03-41085191

No. Faksimili : 03-41085178

emel : secretary@ljt.org.my

laman web : www.ljt.org.my

Tarikh : 12/01/2022

No : 000000



**PERKUAN DEPOSIT FI UKUR**

KANUN TANAH NEGARA, AKTA 56/1965 (PINDAAN 1985) SEKSYEN 409A

Dengan ini disahkan bahawa bayaran ukur sebanyak RM 43,098.20

Ringgit Malaysia EMPAT PULUH TIGA RIBU SEMBILAN PULUH LAPAN DAN DUA PULUH SEN SAHAJA

untuk 0 lot bagi kerja ukur seperti berikut

No Lot : RIZAB ORANG ASLI KG DURIAN SEBATANG  
Bandar/Pekan/Mukim/Kampung : PEKAN(MUKIM)  
Seksyen :  
Daerah : PEKAN  
Negeri : PAHANG  
Rujukan Pejabat Tanah : TesT--

telah diterima oleh Lembaga Jurukur Tanah daripada

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA  
ID.

BORNI SERIAD  
KUANTAN  
KUANTAN  
25200 PAHANG

2. Kerja ukur ini akan dijalankan oleh

BORNI SERIAD  
KUANTAN  
25200 PAHANG



Setiausaha  
Lembaga Jurukur Tanah

#### 4. Mengimbas QR Code

Sijil Akuan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti kod bar (**Bar Code**) dan kod QR (**QR Code**) bagi memelihara ketulenan sijil tersebut. JTB boleh menyemak kesahihan Sijil Akuan dengan mengimbas kod QR yang tertera pada cetakan sijil. Aplikasi pengimbas yang biasa digunakan dalam sistem pengoperasian telefon bimbit *IOS* dan *Android* adalah seperti berikut:

- i. Google Lens
- ii. Kaspersky's QR Scanner
- iii. Quick Scan
- iv. QR Code Reader

Berikut adalah cara mudah mengimbas kod QR dengan menggunakan aplikasi *Google*:

**Langkah 1** : Buka perisan *Google* pada telefon bimbit.



**Langkah 2** : Apabila perisan telah dibuka, pilih ikon kamera.



**Langkah 3** : Pastikan pilih Search.



**Langkah 4** : Halakan lens kamera pada kod QR yang tertera pada Sijil Akuan.




**Langkah 5** : Klik pautan yang dipaparkan di skrin telefon.



LAMPIRAN A

Maklumat Sijil Akaun akan dipaparkan seperti berikut.



**Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia**

**PERAKUAN DEPOSIT FI UKUR**

<b>Rujukan LJT</b>	<b>No. Sijil</b>
0 34	C3: 54
<b>Rujukan JTB</b>	<b>Tarikh</b>
N /2013	24/01/2022
<b>Rujukan Pejabat Tanah</b>	
303886	
<b>Tuan Tanah</b>	<b>Jurukur Tanah Berlesen</b>
F TORY	TAN
I SDN	SYA N
BHD	DAN
LOT 26219, JALAN GENTING KELANG	79-A, TINGKAT 1
SETAPAK	TAMAN ERKASA
53300	BATU 3.5, JALAN CHERAS
W.P. KUALA LUMPUR	56100 W.P. KUALA LUMPUR
<b>Maklumat Lot</b>	<b>Bilangan Lot/Petak/Petak Tanah</b>
NA, W.P. KUALA LUMPUR	1,1332,0

No. Lot	Bandar/Pekan/Mukim	Seksyen
23231	PETALING	
30380	SETAPAK	

Sila login ke sistem eLJT untuk cetak Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur.